



16 Mei 2025
16 May 2025
P.U. (A) 158

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN
PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM)
(LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN
SEKTOR AWAM) 2025

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
(PUBLIC SECTOR HOME FINANCING BOARD) ORDER 2025*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam) 2025**.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“Kemudahan BF-i” ertinya Kemudahan Pembiayaan Perniagaan-i yang diperoleh oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam daripada Bank Islam Malaysia Berhad dengan amaun agregat prinsipal tidak melebihi satu bilion ringgit (RM1,000,000,000.00);

“jaminan” ertinya jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia berhubung dengan Kemudahan BF-i.

Peremitan cukai

3. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] oleh—

(a) Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam atau Bank Islam Malaysia Berhad berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, surat cara dan dokumen berhubung dengan Kemudahan BF-i dan jaminan; atau

- (b) mana-mana orang yang perjanjian, surat cara dan dokumen berhubung dengan Kemudahan BF-i dipindahkan atau diserahkan,

hendaklah diremitkan sepenuhnya.

Peremitan duti setem

4. Apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*] berkenaan dengan apa-apa perjanjian, surat cara dan dokumen berhubung dengan Kemudahan BF-i dan jaminan hendaklah diremitkan sepenuhnya.

Dibuat 2 Mei 2025

[MOF.SID(S)700-14/2/14 JLD.8; PN(PU2)232/JLD.18]

DATUK SERI AMIR HAMZAH BIN AZIZAN
Menteri Kewangan II

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) ACT 1965

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) (REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
(PUBLIC SECTOR HOME FINANCING BOARD) ORDER 2025

IN exercise of the powers conferred by subsection 10(1) of the Loans Guarantee (Bodies Corporate) Act 1965 [*Act 96*], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Loans Guarantee (Bodies Corporate) (Remission of Tax and Stamp Duty) (Public Sector Home Financing Board) Order 2025**.

Interpretation

2. In this Order—

“BF-i Facility” means the Business Financing-i Facility obtained by the Public Sector Home Financing Board from Bank Islam Malaysia Berhad with the aggregate principal amount not exceeding one billion ringgit (RM1,000,000,000.00);

“guarantee” means guarantee given or to be given by the Government of Malaysia in relation to the BF-i Facility.

Remission of tax

3. Any tax payable under the Income Tax Act 1967 [*Act 53*] by—

- (a) the Public Sector Home Financing Board or Bank Islam Malaysia Berhad in respect of any money payable under any agreement, instrument and document in relation to the BF-i Facility and the guarantee; or

- (b) any party to whom the agreement, instrument and document in relation to the BF-i Facility is transferred or assigned,

shall be remitted in full.

Remission of stamp duty

4. Any stamp duty payable under the Stamp Act 1949 [*Act 378*] in respect of any agreement, instrument and document in relation to the BF-i Facility and the guarantee shall be remitted in full.

Made 2 May 2025

[MOF.SID(S)700-14/2/14 JLD.8; PN(PU2)232/JLD.18]

DATUK SERI AMIR HAMZAH BIN AZIZAN
Finance Minister II